

BAB 4

PENGANALISISAN DATA

4.0 Pengenalan

Bab ini akan menganalisis faktor sosio budaya yang mempengaruhi fenomena penukaran dan pembauran kod berdasarkan soal selidik yang telah dijawab oleh responden. Berpandukan jawapan responden fungsi dan sebab berlakunya fenomena penukaran kod dan pembauran kod akan dianalisis. Bab ini juga akan membincangkan penganalisan data yang dikumpul melalui sesi rakaman pengajaran dan pembelajaran. Data yang dikumpul akan dianalisis bagi mengkaji kekerapan berlakunya penukaran kod dan pembauran kod. Peringkat-peringkat pembauran kod juga ini akan diperinci untuk melihat sama ada penukaran berlaku pada perkataan atau frasa. Latar belakang responden juga dianalisis sebagai maklumat tambahan untuk mengukuhkan dapatan kajian.

4.1 Latar belakang Responden Kajian

Latar belakang responden kajian diketahui melalui soal selidik yang ditadbirkan kepada responden. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda. Mereka ini juga merupakan pelajar tingkatan lima yang akan mengambil mata pelajaran bahasa Tamil dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2010. Taburan responden adalah seperti berikut:

Jadual 4.1 : Taburan Responden Kajian Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Jumlah
5 Sains 1	6 orang
5 Sains 2	6 orang
5 Sastera 1	7 orang
5 Sastera 2	4 orang
5 Sastera 3	10 orang
5 Sastera 4	2 orang
Jumlah	35 orang

Responden ini terdiri daripada pelajar yang datang daripada latar belakang yang berlainan. Ada yang tinggal di kawasan setinggan, rumah pangsa kos rendah dan sederhana dan juga rumah teres di sekitar kawasan Brickfields, Pantai Dalam, Kampung Kerinchi, Jalan Klang Lama, Petaling Jaya dan Puchong. Responden kajian ini dilabelkan dengan siri nombor 1 hingga 35 supaya mudah dirujuk.

Jadual 4.2 : Tahap Penguasaan Bahasa Pertuturan Responden

Responden	Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris	Bahasa Tamil
1	F	F	F
2	F	F	L
3	F	F	F
4	F	F	L
5	F	F	S
6	F	F	F
7	F	F	F
8	F	F	F

Bersambung.

Sambungan jadual 4.2.

9	F	F	F
10	F	F	F
11	F	F	F
12	F	F	F
13	F	F	F
14	F	S	F
15	F	F	F
16	F	F	L
17	F	F	F
18	F	F	F
19	F	F	F
20	S	F	F
21	F	F	F
22	S	F	F
23	S	S	S
24	S	F	S
25	S	S	S
26	S	F	F
27	S	F	S
28	S	F	S
29	S	F	F
30	S	F	S
31	S	F	F
32	S	F	F
33	S	S	S
34	S	S	S
35	S	S	S

Petunjuk : F : Fasih S : Sederhana L : Lemah

*Sumber : Gred keputusan ujian lisan Tingkatan Empat,
Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda, Brickfields
Kuala Lumpur.*

4.1.1 Tahap Penggunaan Bahasa Responden.

Berdasarkan jadual 4.2 di atas, 57 % sampel dapat menguasai Bahasa Malaysia dengan fasih. Manakala 43 % lagi mempunyai tahap penguasaan yang sederhana sahaja. Bagi bahasa Inggeris pula 86 % menguasainya dengan fasih dan 14 % berada pada tahap sederhana. Bahasa Tamil pula dikuasai dengan fasih oleh 73 % responden. Manakala 27 % responden pula mempunyai penguasaan bahasa Tamil pada tahap sederhana sejumlah 8 % responden mempunyai penguasaan bahasa Tamil yang lemah.

Pengkaji memperolehi data penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada buku gred keputusan ujian lisan Tingkatan Empat, Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda, Brickfields, Kuala Lumpur. Bagi tahap penguasaan bahasa Tamil pula pengkaji telah memperolehi melalui pemerhatian yang dilakukan semasa pengajaran dan pembelajaran.

Jadual ini jelas menunjukkan bahawa responden dapat bertutur lebih dari satu bahasa. Walaupun responden menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa ibundanya namun mereka masih mempunyai kemahiran dalam menggunakan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Malaysia dan bahasa antarabangsa iaitu bahasa Inggeris. Dalam hal ini bahasa Tamil menjadi bahasa pertama mereka dan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris menjadi bahasa kedua dan ketiga mereka. Yang nyatanya, responden juga menggunakan ketiga-tiga bahasa ini dalam amalan harian mereka.

4.1.2 Pilihan Bahasa (*Language choice*) Berkomunikasi dalam Situasi Tidak Formal

Data yang diperoleh melalui soal selidik telah membekalkan banyak maklumat berkenaan dengan penggunaan bahasa sampel dalam pelbagai situasi tidak formal. Penyelidik telah mengemukakan beberapa soalan untuk dijawab oleh responden mengenai bahasa pilihan mereka semasa berkomunikasi dalam situasi tidak formal seperti berbual bersama ahli keluarga dan rakan sebaya.

Jadual 4.3: Bahasa Pilihan Responden Untuk Berkomunikasi Dengan Ibu bapa Dan Saudara Mara.

Perbualan responden dengan	B.Malaysia				B.Ingggris				B.Tamil			
	TP	J	KK	K	TP	J	KK	K	TP	J	KK	K
Ibu bapa	32		2	1	27		7	1			3	32
Saudara mara	20		7	8	14	4	12	5			13	22

Petunjuk : TP: Tidak Pernah, J : Jarang, KK : Kadang-kadang, K : Kerap

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa 32 responden kerap kali menggunakan bahasa Tamil semasa berkomunikasi dengan ibu bapa. Namun ada dua orang responden yang kerap kali menggunakan bahasa Ingggris. Hal ini demikian kerana ibu bapa berpendidikan Ingggris. Manakala seorang responden didapati kerap kali menggunakan bahasa Malaysia semasa berbual dengan ibu bapa.

Daripada jadual 4.3 juga dapat dilihat bahawa responden kerap kali menggunakan bahasa Tamil apabila berkomunikasi dengan saudara mara. Namun demikian terdapat 5 orang sampel kerap kali menggunakan bahasa Inggeris dan lapan responden kerap kali menggunakan bahasa Malaysia.

Secara keseluruhannya lebih ramai responden kajian ini memilih bahasa Tamil untuk berkomunikasi dengan ibu bapa dan saudara mara mereka. Bahasa Malaysia merupakan pilihan kedua dan bahasa Inggeris menjadi pilihan ketiga responden untuk berkomunikasi dengan ibu bapa dan saudara mara mereka.

4.1.3 Pilihan Bahasa (*Language choice*) Responden di luar Rumah

Jadual (4.4) menunjukkan bahasa pilihan responden berkomunikasi di luar rumah. Lebih ramai responden kerap kali menggunakan bahasa Tamil untuk berkomunikasi dengan rakan sekelas, rakan sebangsa dan orang luar. Kesemua rakan sekelas dan orang luar adalah seetnik dengan responden. Tambahan pula kesemua rakan sekelas responden telah menerima pendidikan awal di aliran Tamil. Majoriti responden hanya kadang-kadang menggunakan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan rakan sekelas dan orang luar. Ia dijelaskan oleh jadual 4.4

Jadual 4.4 : Bahasa Pilihan Responden di Luar Rumah

Perbualan responden dengan	B.Malaysia				B.Inggeris				B.Tamil			
	TP	J	KK	K	TP	J	KK	K	TP	J	KK	K
Rakan sekelas	7	7	21		1	7	24	3		3	5	27
Rakan sebangsa	18	12	3	2	25	6	2	2			6	29
Orang Luar		2	17	16		2	16	17	1	2	13	18

Petunjuk : TP: Tidak Pernah, J : Jarang, KK : Kadang-kadang, K : Kerap

4.1.4 Pandangan Responden Terhadap Fenomena Penukaran Kod dan Pembauran kod

Maklum balas yang diperolehi daripada responden memperlihatkan pelbagai pandangan mereka mengenai fenomena penukaran dan pembauran kod. Pandangan yang diperolehi sebagai respon kepada item-item soal selidik dapat dilihat dalam jadual 4.5 seperti berikut:

**Jadual 4.5 : Pandangan Responden Terhadap Fenomena Penukaran dan
Pembauran Kod**

Bil.	Pandangan	1	2	3	4	5
1.	Penggunaan bahasa-bahasa asing secara berselang-seli semasa pertuturan berlaku secara sedari.	7	6	22		
2.	Penggunaan bahasa-bahasa lain secara beselang-seli semasa bertutur dalam bahasa ibunda sengaja dilakukan	5	20	10		
3.	Penggunaan bahasa-bahasa lain secara berselang seli dalam bahasa ibunda menyebabkan pencemaran bahasa.	13	12		6	4
4.	Penggunaan beberapa bahasa secara berselang-seli semasa perbincangan memudahkan penyampaian isi.			10	12	13
5.	Penggunaan kata-kata dari bahasa lain diperlukan apabila tiada perbendaharaan kata yang tepat dalam bahasa ibunda	3	4	3	12	13
6	Penggunaan bahasa-bahasa lain secaraberselang-seli adalah suatu amalan yang tidak dapat dielakkan dalam kalangan penutur yang berkebolehan pelbagai bahasa	1	2	7	12	13

**Petunjuk: 1.Sangat tidak setuju 2.Tidak setuju 3.Tidak pasti 4.setuju
5.sangat setuju**

Berdasarkan jadual di atas, ramai responden tidak pasti sama ada fenomena penukaran dan pembauran kod berlaku secara sedari. Mereka juga tidak setuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa mereka sengaja ingin menukar bahasa semasa

berbual. Ramai juga tidak bersetuju bahawa penggunaan bahasa-bahasa lain secara berselang-seli merupakan pencemaran bahasa. Ramai responden yang bersetuju bahawa penggunaan bahasa-bahasa lain secara berselang-seli memudahkan penyampaian yang dihajati. Ramai responden bersetuju bahawa amalan penukaran kod dan pembauran kod pelbagai bahasa dalam situasi multilingual merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan.

4.2 Pilihan Bahasa (*Language choice*) berkomunikasi dalam Situasi Formal

Dalam kesemua perlakuan penukaran kod dan pembauran kod yang dirakamkan, bahasa Tamil berfungsi sebagai bahasa wahana ataupun bahasa matrix (*matrix language*), iaitu bahasa utama pertuturan responden. Manakala bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris bersifat bahasa sematan (*embedded language*). Ini bererti bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris hanya diselitkan ke dalam bahasa Tamil oleh responden mengikut kesesuaian dan keperluan. Jadual 4.6 menjelaskan bahawa bahasa Inggeris menjadi pilihan utama responden-responden semasa berlakunya penukaran dan pembauran kod.

Pengkaji telah merakam sebanyak sepuluh sesi pengajaran dan pembelajaran. Hasil transkripsi menunjukkan bahawa penukaran kod dan pembauran kod telah berlaku sebanyak 1014 kali. Daripada jumlah tersebut sebanyak 93.5 % atau sebanyak 935 penukaran dan pembauran kod adalah dari bahasa Inggeris. Manakala sebanyak 6.5 % atau 79 kali penukaran dan pembauran kod berlaku ke dalam bahasa Malaysia. Jadual di bawah memberikan perincian penganalisaannya.

Jadual 4.6: Jadual Kekerapan Penukaran Kod dan Pembauran kod

Transkrip	Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris	Jumlah
1	1	144	146
2	6	121	127
3	4	104	108
4	5	60	65
5	1	45	46
6	6	127	133
7	16	58	74
8	31	125	156
9	3	72	75
10	5	79	84
Jumlah	78 (7.79%)	935(92.21%)	1013 (100%)

Berdasarkan penganalisan data pada Jadual 4.6, responden-responden kajian lebih kerap menukarkan dan membaurkan bahasa Inggeris ke dalam bahasa Tamil yang merupakan bahasa matrix. Penukaran dan pembauran bahasa Malaysia ke dalam bahasa Tamil tidak begitu ketara. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa bahasa Inggeris lebih kerap digunakan berbanding bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris adalah bahasa pilihan mereka.

4.3 Penukaran kod yang berlaku pada peringkat ayat

Penganalisan data rakaman perbualan responden menunjukkan bahawa penukaran berlaku pada beberapa peringkat. Peringkat pertama adalah penukaran dari bahasa

matrix ke bahasa sematan yang berlaku dari satu ayat ke ayat lain. Ia dipanggil sebagai penukaran kod. Namun bilangan ini hanyalah sedikit dan hanya berlaku hanya dua kali ke dalam bahasa Inggeris. Jadual di bawah menjelaskan keadaan tersebut.

Jadual 4.7 : Perincian Penukaran kod yang melibatkan bahasa Inggeris

Transkrip	Peringkat Ayat
1	1
2	-
3	-
4	-
5	-
6	-
7	-
8	-
9	1
10	-
Jumlah	2

Contoh – contoh di bawah menjelaskan situasi tersebut secara terperinci.

i) UJ14 :

<p>[...avuńke <i>machova</i>: irukka mutiyumnu nińaikira:ńke. so niraya pe:r vantu ataip pa:rtittu mařakarattilla:me: ateye: ņa:bakam vaccu atil enna:neseya:ńkało: avuńkałum seya:ńke. itella:m tavaru. <i>Not suppose to follow everythingnu solren. Have to follow certain things from them but not everything. Thats all thank you.</i>]</p>

(Transkrip 1 – Tajuk Perbualan: Wayang gambar)

i) UJ15

[.....tavaruta:nnu to:nutu. Anta ilaiñan señathu vantu nallatalla. *actually*, pitikkalennu solli katta:yap patutta ivaru visam kuticca:ru. ateye: avuñke kuticcirunta: avuñke maña ułaiccalukku a:laiyiruppa:ñke. so nallatalla. innonnu avuñke attai vi:ttukkup po:ratinnu elutirukka:ñke. atai mutikkavum illai. *actually not good*.

(Transkrip 10 – Tajuk Perbualan: Cerpen yang bertajuk “Mudivu”)

Berdasarkan contoh-contoh daripada rakaman dapat dirumuskan bahawa penukaran kod pada peringkat ayat telah berlaku. Penukaran pada peringkat ayat ini hanya berlaku dalam bahasa Inggeris, tetapi penukaran kod yang melibatkan bahasa Malaysia tidak berlaku.

4.4 Penukaran kod yang berlaku pada peringkat perkataan, frasa dan klausa

Peringkat kedua adalah, penukaran bahasa yang berlaku dari bahasa matrix ke bahasa sematan yang berlaku pada peringkat kata, frasa dan klausa. Ia dipanggil sebagai pembauran kod. Oleh itu, penganalisan data telah dibuat untuk melihat pembauran kod pada peringkat-peringkat ini bagi kedua-dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu secara berasingan.

4.4.1 Pembauran kod melibatkan bahasa Inggeris.

Penganalisan rakaman perbualan yang ditranskripsi telah menerangkan perincian penukaran kod yang berlaku pada peringkat kata, frasa dan klausa yang melibatkan bahasa Inggeris. Ia ditunjukkan dalam jadual 4.8 .

Jadual 4.8 : Pembauran kod yang melibatkan bahasa Inggeris.

Transkrips	Perkataan	Frasa	Jumlah
1	132	12	144
2	113	8	121
3	99	5	104
4	53	7	60
5	43	2	45
6	123	4	127
7	58	-	58
8	115	10	125
9	65	5	70
10	72	8	80
Jumlah	873 (93.47%)	61(6.53%)	934(100.00%)

Berdasarkan jadual di atas, pembauran kod yang melibatkan bahasa Inggeris lebih banyak berlaku pada peringkat perkataan. Sebanyak 93.47 % atau 873 pembauran kod berlaku pada peringkat perkataan. Manakala 6.53 % atau 61 kali pembauran kod telah berlaku pada peringkat frasa. Tiada pembauran kod yang berlaku pada peringkat klausa.

Ia dijelaskan oleh contoh di bawah :-

i) UJ12 :

<p>[<i>Cinema:vile</i> vantittu nallatum kettatum irukku. Illa:ta onrai ka:mikiratum <i>cinema:tha:n</i> iruppatai alikiratum <i>cinema:taa:n</i>. Appuram pa:sattai ka:mci valarpatum <i>cinema:ta:n</i> pattayaik ka:mci uyire etuppatum <i>cinema:tha:n</i>. anta ka:lattu <i>cinema:</i> patamla:m pa:rto:mna:kka: MGR patamla:m niraya karutella:m irukkum. Ippa ulla patatthile karutto:te se:rntu ka:riyamum irukku.]</p>
--

(Transkrip 1 – Tajuk Perbualan: Wayang Gambar)

ii) UJ19 :

[avuńke *profesionala:* sollit tara ma:tta:ńke, e:to: *english* iruntu summa:tamille ta:ne: sollit taruva:ńke ite ita: ippatita:ne: sollit tharu va:ńke.]

(Transkrip 3 – Tajuk Perbualan: Pendidikan kemahiran pertukangan lebih baik daripada pendidikan akademik)

iii) UJ24 :

[ata:vatu na:me: *juniora:* po:i se:rum po:tu namakku niṛaya *tutors* kitaippa:ńke, ata:vatu *seniors.* avuńke mu:liyama: namba niṛaya vishiyam kattukala:m. putiya aṇubavańkai, atu *collegele enna* natakkitu, ententa a:siriyarka, *enna* pa:tńkaḷ *innum* pala. totarntu ti:*maigalaip* pa:ttikkitomna: *raggingle* po:ratina:le palar vantu ataip *spottingga:* etuttukka mutiyum. sila pe:rna:le etuttukka mutiya:tu. romba *sensitive* a:navańkeḷa:le atella:m etuttikka mutiya:tu.]

(Transkrip 5 – Tajuk Perbualan: Kesan-kesan Hari Suai Kenal yang dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi)

iv) UJ10 :

[na:tu samuta:yam arasa:ńkamum pala vasatikaḷ seyrńke. *actually* itella:m *waste.* Palliyile pala satta tittanggal uruva:kkura:ńke. pillaińke *school* vuttu veliya:yitto:ne: avuńke vantu *hero heroiena* ma:rrituva:ńke. etayum pinparrave: ma:rra:ńke atellam sollik kotutta:l puṇṇiyame: illai. appuram perro:rgal pillaińkale *tuitionaku* aṇuppurańke.ńke: po:i patikka:me: *waste* panra:ńke. avuńke *timea* ańkeye: *spend* pannuva:ńke.....]

(Transkrip 7 – Tajuk Perbualan : Langkah-langkah mengatasi masalah keruntuhan dalam kalangan remaja)

v) UJ11

[oru vakayile sarita:n. e:ńna: avaru vantu pillai me:l nambikkai vaiṭṭhirukka:r. perpustakaan po:yirukkum. tavaṛuńna: pillai vanthu romba ponteng pannum *schoole:* anta ma:ri ke:kkalińna: *school* vantu romba ponteng pannum. ketta palakkam ella:tile:yum i;du pata a:rambiccitum.]

(Transkrip 9 – Tajuk Perbualan: Cerpen yang bertajuk “Mudivu”)

Berdasarkan contoh-contoh yang dikemukakan di atas, dapat dibuktikan bahawa pembauran kod yang berlaku pada peringkat perkataan melibatkan kedua-dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia.

4.4.2 Pembauran kod yang melibatkan bahasa Melayu

Pengalisan data rakaman perbualan menunjukkan pembauran kod yang melibatkan bahasa Melayu berlaku sebanyak 79 kali (7.6 %) sahaja daripada 1014 situasi. (sila rujuk jadual 4.6) Walaupun begitu, pengkaji telah menganalisis pembauran kod yang melibatkan bahasa Melayu pada peringkat perkataan, frasa dan klausa. Penganlisan ini dapat dilihat dalam jadual berikut:-

Jadual 4.9 : Perincian Pembauran Kod yang melibatkan bahasa Melayu.

Transkrip	Perkataan	Frasa	Jumlah
1	1	-	1
2	6	-	6
3	8	-	8
4	2	-	2
5	3	-	3
6	6	7	12
7	16	1	17
8	14	7	21
9	3	-	3
10	5	-	5
Jumlah	64(81.1%)	15(18.9%)	79(100.0%)

Jadual 4.9, menunjukkan bahawa pembauran kod yang melibatkan bahasa Malaysia juga banyak berlaku pada peringkat kata dan frasa. Pembauran kata pada peringkat frasa sebanyak 14 kali atau 18.9 % ..Ia dijelaskan oleh contoh-contoh di bawah:-

UJ 14

[.....avuñkelatu **kehebatan** ka:mkira:ñke:...avuñke *machova:*
 irukka mutiyumnu ninaikkira:ñke.....itella:m tavaru....not
 suppose to follow everythingnu solren. Have to follow certain things
 from them but not everything.that sall thank you.]

(Transkrip 1 – Tajuk Perbualan: Wayang Gambar)

UJ20:

[.....avuñkalukku **layak** illanuta:n ta:n *sollanum*..... mgr
 ella:m oru levelle irunta:ñke.inta natikarkkum natikaikkum
gossip.gossip mu:lanta:m. avuñke fame uyarra:ñke.]

(Transkrip 1 – Tajuk Perbualan: Wayang Gambar)

UJ28

.....ippa ku:te engga vi:ttil baby po:ranta: pa_laya pa:ttuta:n
 po;tuva:ñke. eñkalukkella:m putiya pa:ttuta:n piticcirukku. atule vantu
 niraya **gempak** irukku, muzikla:m nalla: irukku.]

(Transkrip 1 – Tajuk Perbualan: Wayang Gambar)

UJ 32

[.....india:vil mutalvar vantu oru **undang-undang** atava:thu
 sattam koñduvanta:ru. enna:nna., patañkalle vantu tamil pe:r
 vaitta:l tax katta vari katta te:vai illai.]

(Transkrip 1 – Tajuk Perbualan: Wayang Gambar)

UJ22

[...*kurang ajara*: pe:situva:ńke. ..vantu school vittu chee, universitiyai vittu końa na:lu veliye:....].

(Transkrip 5 – Tajuk Perbualan: Kesan-kesan Hari Suai Kenal yang dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi)

UJ26

[...*sekolah rendah* mutińi atutu vantu form one po:ra:ńke.form one po:ratukku avuńka_lukku orientation....so ippa kolejleyum universitiyileyum...:....].

(Transkrip 5 – Tajuk Perbualan: Kesan-kesan Hari Suai Kenal yang dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi)

Berdasarkan contoh-contoh yang dikemukakan di atas,dapat dibuktikan bahawa pembauran kod yang berlaku pada peringkat perkataan melibatkan bahasa Malaysia.

4.4.3 Pembauran kod yang melibatkan unsur tatabahasa Tamil dalam kata-kata asing.

Masyarakat Malaysia amnya dan masyarakat Tamil khasnya telah menerima dan membiasakan beberapa perkataan dari bahasa asing. Perkataan ini memang sehati dalam kalangan masyarakat India. Perkataan sebegini telah diberikan unsur tatabahasa Tamil khasnya pada akhiran perkataan tersebut bagi kata-kata yang dipinjam daripada bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Jadual di bawah menerangkan situasi tersebut:-

Jadual 4.10 : Jadual Pembauran Kod Unsur Tatabahasa Tamil dalam Kata-kata Asing

Transkrips	Bahasa Inggeris	Bahasa Malaysia
1	43	-
2	39	-
3	37	13
4	22	3
5	19	1
6	51	3
7	19	2
8	34	9
9	22	1
10	26	1
Jumlah	312	33

Berdasarkan jadual di atas, pembauran kod yang melibatkan unsur tatabahasa Tamil dalam kata-kata asing juga berlaku dalam pertuturan yang dirakam. Fenomena ini melibatkan bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Contoh-contoh di bawah menjelaskan fenomena di atas.

4.4.4 Pembauran Kod yang melibatkan Unsur tatabahasa Tamil dalam kata-kata Inggeris

Data yang diperolehi daripada transkripsi rakaman perbualan responden kajian memperlihatkan bahawa pembauran kod yang mempunyai asimilasi unsur tatabahasa Tamil dalam kata-kata Inggeris seperti contoh - contoh di bawah :

i) UJ13 :

[...*schoolkup* po:ratu tha:n mukkiyamnu ella:rum ninaikkira:ńke. atatta:n romba *importantnu endru:* ella:rum ninaikkira:ńke. *But* atu mattum illai va:lkai. atai vittu veliye: vantu kaittholilunnu oru ulagam irukkunnu pa:rkkānum. Kai tholiliruntu munne:ri sirappa: ulaga alavile: pukaḷ perravańke niraya pe:r irukka:ńke. *so* itayum na:m *consider pannanum.*]

(Transkrip 3 – Tajuk Perbualan: Pendidikan kemahiran pertukangan lebih baik daripada pendidikan akademik)

ii) UJ12 :

[...arimuka va:ra vila: enna:nna: ma:ṇavarkalukku romba mukkiyama:na onnu. itu *collogekup* po:na: kaṇṭippa: arimuka va:ra nikaḷcci vappa:ńke. arimuga na:lina:le vantu namakku niraya: naṇbarkaḷ arimugam a:va:ńke. arimugatta:le vantu na:m vantu ella: vishiyattayum si:kkirama: therńukila:m.....]

(Transkrip 5 – Tajuk Perbualan: Kesan-kesan Hari Suai Kenal yang dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi)

iii) UJ34 :

[...ovvoru *teacharayum* avuńke pillaińkalukku solli kotukkira ovvoru *subject teacharayum , class teacher, discipline teachers so* ovvoru *teacharayum* pa:rtu avuńke pillaińka ennenne seyra:ńke, avuńke kattoḷuńku piraccanai, avuńke ea:ccum *friend* ku:ta *like schoolleh enna* ma:riya:na....]

(Transkrip 7 – Tajuk Perbualan : Langkah- langkah mengatasi masalah keruntuhan dalam kalangan remaja.)

Berdasarkan contoh – contoh yang diberi pembauran kod yang melibatkan bahasa Inggeris dapat dikenalpasti. Fenomena ini dikenalpasti apabila terdapat banyak

perkataan bunyi bahasa Inggeris diakhirkan dengan unsur tatabahasa Tamil. Ia diperjelaskan oleh jadual 4.11:

Jadual 4.11 : Proses pembauran kod perkataan bahasa Inggeris dengan akhiran Tamil

Transkrips	Pembauran	Perkataan Inggeris	Akhiran
3	<i>Importantana</i>	<i>Important</i>	+ <i>ana</i> ($\pm \bar{E}$)
5	<i>Collegekup</i>	<i>College</i>	+ <i>ku</i> (\bar{I})
7	<i>Teacharaium</i>	<i>Teacher</i>	+ <i>aiyum</i> ($^3 + \bar{O}$)

4.4.5 Pembauran Kod yang melibatkan Unsur Tatabahasa Tamil dalam kata-kata bahasa Melayu

Data yang diperolehi melalui transkripsi rakaman memperlihatkan bahawa pembauran kod hasil asimilasi tatabahasa Tamil dalam perkataan bahasa Inggeris seperti contoh-contoh di bawah :-

i) UJ2 :

[...schoolle patikkira normal:na pa:tam. BM, BI, maths, sains, sejarah anta ma:ri pa:tam. Ata:vatu sila pillaiñka| ennanna: ettuk kalviyile: vantu sariya:ne **lemahva**: irukka:nñke pa:tattile. E:nna: schoolle patikkiratu illai. anta kes inta kesinnu. A:na: tho|il kalvina: vantu]

(Transkrip 3 – Tajuk Perbualan: Pendidikan kemahiran pertukangan lebih baik daripada pendidikan akademi)

ii) UJ14:

[...at̄ia:rap pu:rvama:na muṛayil natant̄at̄inna aṅke vantu nampalo:te: kalvima:ṅkal ata:vatu lectures ella:m iruppa:ṅke. satta tittam irukkum. anta satta tittat̄tile: vantu ata:vatu **undang-undangai** maticcuta:n natakkanum. ti:mainnu etutthukitti:ṅkanna: atukku **undang-undanggella:m** kitaya:tu. ishtappati natatta vent̄iyatuta:n....]

(Transkrip 4 – Tajuk Perbualan: Kesan-kesan Hari Suai Kenal yang dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi)

iii) UJ2 :

[...avuṅke vantu inta ma:ri bad influence vantu po:ga ma:tta:ṅke. **mat rempittah** a:ka ma:tta:ṅke enru ninaikkinren. a:kaya:l a:siriyarkaḷum perro:rkaḷum inta ilaiṅalukku nalla vaḷimuraikalum nalla iraiṅan vaḷi pa:tugalum...]

(Transkrip 7 – Tajuk Perbualan : Langkah - langkah mengatasi masalah keruntuhan moral dalam kalangan remaja)

Berdasarkan contoh – contoh di atas pembauran kod yang melibatkan bahasa Melayu dapat di kenal pasti kata bahasa Melayu menerima akhiran bahasa Tamil. Ia diperincikan oleh contoh di bawah:-

Jadul 4.12 : Proses pembauran kod perkataan bahasa Melayu dan akhiran Tamil

Transkrips	Pembauran	Perkataan Bahasa Melayu	Akhiran
3	<i>Lemahva</i>	<i>Lemah</i>	+ va (ஃ)
4	<i>Undang-undangai</i>	<i>Undang-undang</i>	+ ai (ஃ)
7	<i>Mat Rempittah</i>	<i>Mat Rempit</i>	+ a: (ஃ)

Daripada perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa proses asimilasi juga berlaku semasa berlakunya proses penukaran kod ke dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu.

4.4.7 Pembauran Kod pada peringkat frasa.

Berdasarkan rakaman yang ditranskripsikan, pengkaji mengenalpasti sebanyak 61 pembauran kod yang berlaku pada peringkat frasa yang melibatkan bahasa Inggeris dan 14 pembauran kod yang melibatkan bahasa Melayu. Contoh-contoh di bawah menjelaskan pernyataan di atas.

i) UJ8:

[... yetuttuk ka:tta:ga ippa vantu putusa: na:n oru patattin **video launch** pa:rtte:n. atile ulla **movie trailore** ku:ta pa:rtte:n. inta patattile: vantu mułukka mułukka **graphic** ta:n pa:viccirukka:ńke. hmm.aruvatu vayatu kiłavaņa:ne natikarai vantu avvalavu ilamaiya: ka:ttiirukka:ńke. anta patattil **graphic** na:le nalla nanmaigał irukku. Munne vantu namma vantu *most* pa:rkave:...]]

(Transkrip 1 – Tajuk : Perbualan tentang tajuk wayang gambar).

ii) UJ30:

[.....ippa ulla *cinema* vantu, *like example* suria vantu ayaņ patattile: vantu **six pack** vacciruppa:ru. *Like eńka friend* vikhneshum ate: ma:ri i:tupattu ti:ru panni, na:num **six pack** vaccika po:rennu ella:tthukkiteyem sollikkite: *even*.....]

(Transkrip 1 – Tajuk Perbualan: Wayang gambar)

iii) UJ2 :

[...atuttavańkłai ve:ņdi na:m kai ye:nti nikkat te:vai illai *ma:sak* katasiyile: **innonnu** namakku **time management** irukkum. vantu oru na:laikku ettu *hourtha:n* ve:lai seyyaņumnu ille. ishtamņa: mu:nu *hour* ve:lai seńittu vi:ttukkup po:la:m, pa:ņtu *hour* ve:lai seņa:lum atu vantu namba ishtap pati irukkaratu]

(Transkrip 3 – Tajuk Perbualan: Pendidikan kemahiran pertukangan lebih baik daripada pendidikan akademik.)

iv) UJ36 :

[...itu vantu namba *ragging culture*nu solro:m. *ragging culture* vantu itella:m ni:nka eppati etuttukkiri:nkannu ta:n irukku. ni:nka vantu *take it easy* policynna:fine. appuram oru na:l kaliccu ella:m po;itum. *Let say* ni:nka: romba *emotional: close to heart* etutthukkitti:nkanna: *stress* ta:n, tarkolai oru *dangerous a:na situation*le konḍa:ntu

(Transkrip 5 – Tajuk Perbualan: Kesan-kesan Hari Suai Kenal yang dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi)

Berdasarkan contoh-contoh di atas, dapat dirumuskan bahawa pembauran kod pada peringkat frasa memang berlaku dalam pertuturan responden-responden.

4.5 Golongan kata yang sering ditukarkan kod

Selain menganalisis fenomena penukaran kod dan pembauran kod pengkaji juga telah menganalisis golongan kata yang dibaurkan. Ini dapat dilihat dalam jadual 4.13.

Berdasarkan jadual 4.13, dapat dirumuskan bahawa Kata Nama (KN) merupakan golongan kata yang paling banyak terlibat dalam proses pembauran kod. Sebanyak 450 atau 60.3 % perkataan telah dibaurkan dalam perbualan. Manakala 27 % atau 202 perkataan merupakan kata adjektif. Bakinya adalah kata kerja iaitu sebanyak 12.6% atau 94 patah perkataan.

Jadual 4.13 Golongan kata yang sering ditukarkan kod dari bahasa Tamil ke bahasa Inggeris

Transkrips	Kata nama	Kata kerja	Kata Adjektif
1	104	8	18
2	65	3	18
3	36	7	35
4	21	3	21
5	25	7	6
6	74	25	18
7	31	6	15
8	47	21	23
9	25	7	22
10	22	7	29
Jumlah	450 (60.3%)	94 (12.6%)	202 (27.0%)

Berikut adalah senarai golongan kata yang digunakan dalam pembauran kod ke dalam bahasa Inggeris.

Jadual 4.14 Contoh golongan kata yang digunakan dalam Pembauran kod ke dalam bahasa Inggeris.

Kata Nama	Kata Kerja	Kata Adjektif
1 .Cinema	1. Follow	1. Strong
2. School	2. Revise	2. Luck
3. College	3. Practice	3. Higher
4. Colour Filem	4. Argue	4. Late
5. Audio	5. Destroy	5. Love
6. Video	6. Suicide	6. Spotting
7. Youngster	7. Advice	7. Famous
8. Screen	8. Spend	8. Serious
9. Drugs	9. Think	9. Busy
10. Library	10. Waste	10. Negative

Pembauran kod juga berlaku dari bahasa Tamil ke bahasa Melayu. Ia diterangkan oleh jadual 4.15 .Berdasarkan jadual di bawah, kata nama merupakan golongan kata yang banyak dibaurkan kod dari bahasa Tamil ke bahasa Melayu. Kata nama bahasa Melayu telah digunakan 42 kali. Manakala kata kerja digunakan sebanyak 20 kali dan kata adjektif digunakan sebanyak 10 kali.Seperti di jadual 4.15 :-

Jadual 4.15 Contoh golongan kata yang sering digunakan dalam pembauran kod dari bahasa Tamil ke bahasa Melayu.

Transkripsi	Kata nama	Kata kerja	Kata Adjektif
1	-	-	-
2	1	2	-
3	8	-	-
4	5	-	-
5	-	1	1
6	4	-	1
7	11	4	1
8	11	11	3
9	1	-	1
10	1	2	3
Jumlah	42	20	10

Jadual 4.16 Contoh perkataan yang digunakan dalam pembauran kod ke dalam bahasa Melayu.

Kata Nama	Kata Kerja	Kata Adjektif
1.Undang-undang	1.Saman	1 .Lemah
2.Buku	2.Ponteng	2 .Teruk
3.Kerajaan	3.Kacau	3 .Senang
4.Asrama	4.Tanggung	4 .Rojak
5.Polis	5.Pilih	5 .Cekap
6.Saman	6.Pinjam	6 .Gempak
7.Denda	7.Mengambil	7 .Maju
8.Masalah	8.Lepak	8 .Kurang ajar
9.Jantung	9.Gantung	9 .Rendah

4.6 Pola-pola pembauran kod

Dalam mengkaji fenomena penukaran kod dan pembauran kod penyelidik telah mengenal pasti beberapa pola pembauran. Data kajian dari rakaman yang telah ditranskripsikan digunakan bagi tujuan tersebut. Pengkaji telah merumuskan fenomena pembauran kod kepada pola-pola berikut:-

Pola-pola pembauran kod

- i) Bahasa Tamil → Bahasa Inggeris
- ii) Bahasa Tamil → Bahasa Melayu
- iii) Bahasa Tamil → Bahasa Melayu → Bahasa Inggeris
- iv) Bahasa Tamil → Bahasa Inggeris → Bahasa Melayu
- v) Bahasa Melayu → Bahasa Inggeris → Bahasa Tamil
- vi) Bahasa Inggeris → Bahasa Melayu → Bahasa Tamil
- vii) Bahasa Inggeris → Bahasa Tamil → Bahasa Melayu

4.6.1 Pola jenis Bahasa Tamil → Bahasa Inggeris

Pola jenis ini sering berlaku dalam setiap sesi perbualan responden semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil. Responden akan bermula dengan menggunakan bahasa Tamil dan diikuti dengan bahasa Inggeris. Contoh- contoh di bawah menerangkan pola ini dengan jelas:-

- i) UJ18 :

[...velai sey_ratu appatilla:m illaye: ni:ñke sol_ratum saritha:n. e:nna: inta ka:lattile: vantu ***namma youngsterla:m*** Malaysia:vil ***paticcittu uniersityile:*** poittu 11A etutta:lum va:ippu ku_raiva:ta:n irukku. e:ta:ccum oru kalvi ***thotañkina: I mean tholil*** kalviyai seña: ***namakku chances*** ku:ta irukku. namma...]

Transkrip 3 – Tajuk Perbualan: Pendidikan kemahiran pertukangan lebih baik daripada pendidikan akademik)

ii) UJ8:

[...enna: inta **nerattil tha:n ice breaking** enra niga_lcci natakkum. **Inta ice breaking** nanmai enna:nna:, ma:navaarkalukku putiya naṅbarka_l kitaikka mutiyum. avarka_luta_n pe:sa va:ippu kitaikkum. Sila pe:r vantu ve:ra ma:ri romba amaitiya:ga iruppa:ṅke, avuṅkalai po:l in_noruttavaṅka_lum iruppa:ṅke. **itu ta:n orientation** ata:vatu a_rimuga va:rattin naṅmaikal.....]

(Transkrip 5 – Perbualan Tajuk kesan-kesan Hari Suai Kenal yang dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi)

iii) UJ32 :

[...enna: sey_ro:m_nu sila pillainṅke yo:sikkave ma:ra:ṅke. na:me enna seyrom, po:ra vali **tappa: righta:nnu** yo:sikkirate: illai. ella:m ku:tta:li solli ke:kkira:ṅke. **silar test panra:ngge cigarette** atinnu. Ivaṅka_lukkum a:rvam irukkum. **oru trip** kuticco:ne: a:sai vantitum tiruppiyum kuikkinum_nu. **enna: tensionaik** ku_raikkiratikku ta:n **cigaretta:m....]**

(Transkrip 7 – Tajuk Perbualan Ucapan : langkah - langkah mengatasi masalah keruntuhan dalam kalangan remaja)

Berdasarkan contoh – contoh yang di beri di atas, perkataan – perkaatan yang berhuruf tebal seperti di bawah jelas memperlihatkan pola penukaran Bahasa Tamil → Bahasa Inggeris

- a) **namakku chances** (*peluang untuk kita*)
- b) **ithu tha:n orientation** (*inilah orientasi*)
- c) **thappa: righta:nnu** (*betul atau salah*)

4.6.2 Pola jenis Bahasa Tamil → Bahasa Melayu

Pola jenis ini berlaku dalam setiap sesi perbualan responden semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil. Responden akan bermula dengan menggunakan bahasa Tamil dan diikuti dengan bahasa Melayu. Seterusnya telah menukar kod ke dalam bahasa Tamil. Contoh- contoh di bawah menerangkan pola ini dengan jelas:-

i) UJ22:

[...tina:vatta: avuñkakitte po:i **pu:nta:ñkenna:** kurang ajara: pesina:
vi:n vambuta:n. sañtai vantu like juniors se:rñthavañkañe:.....]

(Transkrip 5 – Tajuk Perbualan: Kesan-kesan Hari Suai Kenal yang dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi)

ii) UJ26 :

[añaiavarukkum vañakkam. arimuga va:ram vantu ella:rukkum teriñirukkum. Anta vakayil mota na:n ennai arimugam seitu kolkintre:n. na:n pativam aintu ariviyalin ma:ñavan. ok. Ippa vantu **ma:ñavarkalella:m sekolah rendah** mutiñju atutu vantu form one po:va:ñke. form one po:ratukku munne vantu avuñkalukku orientation oru pañakkama:ña oñra:ki irukkum. so avuñke.....]

(Transkrip 5 – Perbualan Tajuk kesan-kesan Hari Suai Kenal yang dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi)

iii) UJ32

[...itai tavirkañumna: **arasa:nggam undang-undang** etukkanum. ata:vatu sattam po:tanum. sku:l payañkañukkella:m veliyile: cigarette tarak ku:ta:tu. sku:l payañklukku sku:l sattayaip po:tta:l, veliye: **pa:tta:l denda pannañum. saman taranum.** Ittutan en urayai mutittuk kolkiren.nañri vañakkam.]

(Transkrip 7 – Tajuk Perbualan: Langkah – langkah mengatasi masalah keruntuhan dalam kalangan remaja)

Berdasarkan contoh – contoh yang di beri di atas, perkataan – perkaatan yang berhuruf tebal seperti di bawah jelas memperlihatkan pola penukaran Bahasa Tamil → Bahasa Melayu.

- a) **pu:nta:ñkenna:** kurang ajara: (jika masuk)
- b) **ma:navarkalella:m sekolah rendah** (murid-murid)
- c) **arasa:ñkam undang-undang** (kerajaan)

4.6.3 Pola jenis Bahasa Tamil → Bahasa Melayu → Bahasa Inggeris

Pola jenis ini berlaku dalam setiap sesi perbualan responden semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil. Responden didapati memulakan dalam bahasa Tamil dan diikuti dengan bahasa Melayu dan kemudian menukarkan kod ke dalam bahasa Inggeris. Seterusnya telah menukar kod ke dalam bahasa Tamil. Contoh - contoh di bawah menerangkan pola ini dengan jelas:-

i) UJ6 :

[*..kataisi masa free* iruppen:le parava:lle:. Ila:tittiyum *inform pannittiya: classle:*]

(Transkrip 10 – Tajuk Perbualan: dua pelajar perempuan tentang rancangan selepas SPM.)

ii) UJ7 :

[*pannitte:n pannitte:n. terle: ya:ru ganti teachersnu* terle:]

(Transkrip 10 – Tajuk Perbualan: Rancangan selepas SPM)

iii) UJ38 :

[*a:ma:m percubaan resultu* vacci pa:kkala:me. atai maranthitte pa:ru]

(Transkrip 10 – Tajuk Perbualan :Rancangan selepas SPM.)

Berdasarkan contoh-contoh di atas, perbualan bermula dengan menggunakan bahasa Tamil dan bertukar kod ke dalam bahasa Melayu dan seterusnya ke dalam bahasa Inggeris. Perkataan berhuruf tebal menerangkan situasi tersebut dengan jelas.

a) **kadaisi ma:sa: free** (*waktu terakhir...*)

b) **terle: ya:ru ganti teachersnu** (*tidak tahu siapa guru ganti*)

- c) **a:ma:m percubaan resultu** (*ya keputusan percubaan*)

4.6.4 Pola jenis Bahasa Tamil → Bahasa Inggeris → Bahasa Melayu

Pola jenis ini berlaku dalam sesi perbualan responden semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil. Responden didapati memulakan dalam bahasa Tamil dan diikuti dengan bahasa Inggeris dan kemudian menukarkan kod ke dalam bahasa Melayu. Contoh- contoh di bawah menerangkan pola ini dengan jelas:-

- i) UJ30 :

[atule: ***eñka team maju***]

(Transkrip 10 – Tajuk :Perbualan dua pelajar tentang pertandingan bola sepak piala dunia.)

- ii) UJ46 :

[...ippa ***masalah*** irukkira pillaiñka_lukku vantu appa:mmavaik ku:ppittu amma:tte pesan_um appuram *teacherñke* ku:te appa:mmatte: ***pe:si shoolle masalah*** ulla pillaiñkale *Hendry Gurney schoolukku an_uppan_um.*]

(Transkrip 7 – Tajuk Perbualan : Langkah – langkah mengatasi masalah keruntuhan moral dalam kalangan remaja.)

Berdasarkan contoh – contoh tersebut , perbualan bermula dalam bahasa Tamil dan bertukar ke dalam bahasa Inggeris dan seterusnya bertukar kepada bahasa Melayu. Contoh- contoh di bawah menerangkan pola ini dengan jelas:-

- a) **eñka team maju** (*pasukan kami maju*)
b) **pe:si sshoolle masalah** (*cakap masalah sekolah*)

4.6.5 Bahasa Melayu → Bahasa Inggeris → Bahasa Tamil

Pola jenis ini juga didapati berlaku dalam perbualan responden semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil. Responden didapati memulakan pertuturan dalam bahasa Melayu diikuti dalam bahasa Inggeris dan kemudian menukarkan ke dalam bahasa Tamil. Contoh-contoh di bawah menerangkan pola ini dengan jelas.

i) UJ2 :

[*.terukva:na gameda, tu:kkanta:n vanticcu*]

(Transkrip 10 – Tajuk Perbualan Bola sepak piala dunia.)

ii) UJ3 :

[*.plumbing mattumle: innum niraya: irukku. computer repairing, aircond repairing. appuram. makeniknu innum evvalavo: irukku. atu mattumle: kerajaa:ne: namakku loan ella:m e:rpa:tu panni tarutu. Asrama freeya: itu panni tarutu.....*]

(Transkrip 10 – Tajuk Perbualan: Rancangan masa depan.)

Berdasarkan contoh – contoh di atas, ujaran bermula dalam bahasa Melayu dan berlaku penukaran kod ke dalam bahasa Inggeris dan seterusnya ke bahasa Tamil seperti di mukasurat 97.

a) **terukva:na gameda, tu:kkanta:n**

(*permainan yang teruk .saya rasa mengantuk*)

b) **asrama: freeya: itu panni tarutu**

- c) (menyediakan kemudahan asrama secara percuma)

4.6.6 Pola jenis Bahasa Inggeris → Bahasa Melayu → Bahasa Tamil

Pola jenis ini juga dikenal pasti berlaku dalam sesi perbualan responden kajian pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil. Responden didapati memulakan pertuturan dengan menggunakan bahasa Inggeris dan menukarkan kod ke dalam bahasa Melayu dan kemudian menukarkan kod ke dalam bahasa Tamil. Contoh-contoh di bawah menerangkan pola ini dengan jelas.

- i) UJ42 :

[*cinema*: nna: oru patam. ata:vatu anta patattile niraya *heroella*:m iruppañke. ata:vatu vijay, rajni, arjun. itana:le vantu in̄kulle ilaiñarella:m kettup po:ra:ñke. **school ponteng aticcittu** vi:tley solla:me payantu kittu *teaterle*: okka:rntu patam pa:kkaratu. Itu oru piraccanai. ve:re enna:nna: ka:su romba itana:le seleva:kuthu. te:vai illa:tatar̄ku atu itun̄nu selavu pan̄ratu. vere:nna:nna: patam vantu oru pol̄uthu po:kka:tta:n pa:kkaratu

(Transkrip 1 – Tajuk Perbualan: Wayang gambar.)

Berdasarkan contoh di atas, ujaran bermula dalam bahasa Inggeris dan bertukar ke dalam bahasa Melayu dan seterusnya bertukar ke dalam bahasa Tamil seperti contoh di bawah:-

- i) **school –ponteng--adiccidu**

(ponteng sekolah dan)

4.6.7 Pola jenis Bahasa Inggeris → Bahasa Tamil → Bahasa Melayu

Pola jenis ini juga dikenal pasti berlaku dalam pertuturan responden kajian semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil. Tetapi tidak banyak terdapat dalam kajian.

Responden telah memulakan dalam bahasa Inggeris dan menukarkan kod ke dalam bahasa Tamil dan kemudian menukarkan kod ke dalam bahasa Melayu. Contoh di bawah menerangkan pola ini dengan jelas.

i) UJ45 :

[ragging euttta:ñnakke: ippa vantu ragging vantu ella: collegeyum natakkitu.so atule vantu nanmayum irukku ti:mayum irukku. nanmayinnu euttukkitti:ñna:kka: vantu namba mote: collegikkup po:gum po:tu niraya nanbarkaḷ vantu arimukap patutthira:ñke. innonnu vantu namakku niraya anupavañkaḷ kitaikkitu. Appuram nampalukku teriya:te subject ku:te senior kittle vantu teriñukela:m. **seniorkal vantu kacau** pannum po:tu anta juniorku vantu romba ko:pap paturatana:le avuñke maña ulaiccal vantu e:rpatutu.]

(Transkrip 5 – Tajuk Perbualan: Kesan-kesan Hari Suai Kenal yang dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi)

Berdasarkan contoh di atas, ujaran bermula dalam bahasa Inggeris dibaur ke dalam bahasa Tamil dan kemudian dibaur kod ke dalam Melayu. Ini dapat dilihat dalam contoh di bawah yang dipetik dari transkripsi perbualan di atas

i) **seniorkal – vantu – kacau**

(*pelajar senior kacau*)

4.7 Faktor-faktor yang mempengaruhi penukaran kod dan pembauran kod

Fenomena penukaran kod dan pembauran kod memang terjadi dalam kalangan responden kajian. Pengkaji telah mengemukakan beberapa pilihan jawapan untuk menentukan faktor-faktor penukaran kod dalam borang soal selidik mengenai fenomena ini semasa pengajaran dan pembelajaran. Responden boleh memilih lebih dari satu

faktor. Faktor-faktor ini juga telah diperolehi daripada pandangan dan dapatan pengkaji-pengkaji luar negara dan dalam negara.

Jadual 4.17 : Faktor-faktor yang mempengaruhi responden menukar kod

Bil	Faktor-faktor yang mempengaruhi responden menukar kod	S	T
1	Telah menjadi perkara biasa	28	7
2	Terpengaruh dengan bahasa orang yang bertutur	5	30
3	Untuk memudahkan pemahaman	35	-
4	Untuk memudahkan komunikasi berjalan tanpa gangguan	35	-
5	Dipengaruhi oleh laras bahasa komunikasi dan hiburan	23	12
6.	Terpengaruh dengan bahasa pengantar dalam bilik darjah sewaktu pengajaran dan pembelajaran dijalankan.	26	9

S : Setuju

T : Tidak setuju

Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh responden dapat dirumuskan bahawa fenomena penukaran kod dan pembauran kod merupakan sesuatu yang biasa bagi kebanyakan responden. Hanya 7 responden yang tidak bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa penukaran kod merupakan sesuatu yang biasa bagi mereka. Sebanyak 30 responden tidak bersetuju bahawa mereka terpengaruh dengan bahasa

orang yang bertutur dengan mereka. Namun demikian kesemua sampel bersetuju dengan pendapat bahawa penukaran kod berlaku bagi memudahkan pemahaman dan memastikan bahawa aktiviti komunikasi berjalan tanpa gangguan. Hampir 66% atau 23 responden bersetuju dengan pendapat bahawa penukaran kod dan pembauran kod berpunca daripada laras bahasa komunikasi dan hiburan. Seramai 26 orang responden mengenal pasti faktor bahasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah sebagai punca kepada fenomena ini.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa kesemua faktor yang tersebut di atas menjadi faktor berlakunya fenomena penukaran kod dan pembauran kod kecuali terpengaruh dengan bahasa orang yang bertutur dengan mereka.

4.8 Sebab-sebab penukaran kod dan pembauran kod.

Setelah selesainya aktiviti mengumpul data melalui sesi rakaman yang ditranskripsi pengkaji telah mengenalpasti sebanyak 7 responden yang kerap melakukan penukaran kod dan pembauran kod dalam pertuturan mereka semasa pengajaran dan pembelajaran. Bagi tujuan mendapatkan maklumat tambahan pengkaji telah melakukan aktiviti temubual bagi mengetahui sebab-sebab mereka menukar kod dan membaur kod. Sebab-sebabnya dinyatakan seperti di bawah:-

4.8.1 Kebiasaan

Hasil daripada penganalisan, pengkaji dapat mengetahui bahawa penukaran kod berlaku dalam kalangan responden disebabkan faktor kebiasaan. Faktor kebiasaan

bererti responden gemar menukar kod walaupun terdapat sesuatu kosa kata sesuai bagi sesuatu perkataan dalam bahasa pertuturan utama. Hal ini sedemikian kerana sampel lebih biasa dengan penggunaan kosa kata tersebut dalam pertuturan harian. Contoh di bawah menjelaskan keadaan ini:-

i) UJ2:

[anaivarukkum vaṇakkam. **Cinema**: vantu na:m neraya: vakaya: pa:rkala:m. a:na: na:n vantu **cinema:vum** ilaiṇarkalaiyum parri oru itu sollap po:re:n.]

(Transkrip 1 – Tajuk : Perbualan Perbualan: Wayang gambar.)

Dalam contoh di atas, responden sudah tentu boleh menggunakan perkataan bahasa Tamil iaitu '*thiraippadam*' bagi menggantikan perkataan bahasa Inggeris '*cinema*' untuk merujuk kepada filem atau wayang gambar.

4.8.2 Kekurangan perbendaharaan kata atau kosa kata pada diri responden

Temu bual yang dijalankan juga menjelaskan bahawa aspek Kekurangan perbendaharaan kata atau kosa kata pada diri responden kmenjadi penyebab penukaran kod. Oleh kerana ketiadaan kosa kata sepadan dalam diri responden untuk menjelaskan makna yang tepat menyebabkan responden memilih kosa kata bahasa asing. Contoh di muka surat 102 menjelaskan pernyataan di atas.

ii) UJ2 :

[matthavaṇkittarintu theriṇikkirato:te: kutta:li solratana:le vantu na:me si:kirama: theriṇukka mutiyum. atu mattum illa:me marrapati na:me vantu **ragging** pannurata:le uyir ilappukku:ta natakka va:ippu irukku. Eppatinna: avuṇke vantu nambale **bullie** panni pe:saratu nampalukku manasu kashtap pattu, atana:le vantu rumba pe:r sontama: tharkolai pannikira:ṇke.]

(Transkrip 5 – Tajuk Perbualan: Kesan-kesan Hari Suai Kenal yang dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi)

Dalam ujaran di atas, ragging dan bullie adalah antar dua perkataan yang popular dalam kalangan pelajar sekolah. Perkataan ini memang ada maksudnya dalam bahasa Tamil. Ini mungkin kerana kedua-dua perbuatan itu tidak terdapat dalam budaya Tamil dan adalah asing bagi masyarakat Tamil.:-

Bahasa Inggeris	Bahasa Tamil
<i>Ragging</i>	<i>Vataittal</i>
<i>Bullie</i>	<i>Pakadi</i>

Oleh kerana kedua – dua perkataan Tamil ‘*vathaitthal*’ dan ‘*pagadi*’ ini masih belum luas penggunaannya dalam penulisan dan pertuturan maka tidak hairanlah apabila responden kajian tidak menggunakannya. Ini telah memaksa responden untuk menukarkan kod dalam pertuturan mereka.

4.8.3 Isi Kandungan Mata Pelajaran atau Topik Perbincangan

Isi kandungan mata pelajaran atau topik yang dibincangkan juga menjadi salah satu faktor berlakunya penukaran kod dan pembauran kod. Responden kajian ghairah menukar kod apabila isi kandungan mata pelajaran ataupun topik perbincangan pada hari-hari tertentu merupakan sesuatu yang popular atau hangat diperbincangkan oleh

masyarakat. Transkripsi perbualan menunjukkan bahawa penukaran kod sering berlaku semasa membincangkan tajuk-tajuk yang popular.

Tajuk “ Wayang Gambar ” atau filem dan “ Kesan-Kesan Hari Suai Kenal” dikenal pasti sebagai tajuk yang paling banyak mengalami fenomena pembauran kod. Contoh di bawah menerangkan keadaan di atas.

i) UJ8:

[ippa ulla *cinema:* mukka:va:si vantu *graphictha:n* etukkira:ñke. *like* etuttikka:tta:kke vantu ippa vantu putusa: vantu na:n oru patattin *video launch* pa:rtte:n. atile: ulla *movei traiore* ku:ta pa:rtte:n. inta patattile: vantu mułukka mułukka *graphictha:n* pa:viccirukka:ñke. hmm. aruvatu vayatu kilavara:ne rajnikanth vantu avvalavu ilamaiya: ka:ttura:ñke anta patattile *graphicna:le* nanmaikal irukku. munne vantu namma vantu *most* pa:rkkave mudiya:tatai vantu namakkuk ka:ttura:ñke. edutthukka:tta:ñke vantu *jurassic park.* anta patattile vantu *dinasourla:m* irukkum. atai vantu na:m ne:rla pa:rkka mutiya:tu. e:nna: vantu aliñu po:ccu anta *generatione:* atana:le vantu ippa *graphic* vantu namakku niraaya utavutu. ato:te: illa:the *characterai* vantu avuñke uruva:kkura:ñke. *innonnu* solla *ninaikkiren*, tamil patam vantu ulakattile:ye: o:takku:tia patam. *enna* inta patam vantu english pata *levelukku* etukkira:ñke. atai vantu tamilarkał mattum pa:rkkiratana:le mattum anta patam vantu *success* ataya ma:ttutu. Ita:n ennutaya karuttu.]

(Transkrip 1 – Tajuk : Perbualan

tentang

tajuk wayang gambar)

Dalam ujaran di atas, wayang gambar atau filem menjadi tajuk perbualan. Wayang Gambar merupakan suatu tajuk yang popular dalam kalangan pelajar. Maka pada awal-awal lagi istilah *cinema* mula menggantikan istilah tamil iaitu *thiraippadam*. Bukan setakat itu sahaja malah banyak istilah yang wujud dalam laras bahasa hiburan digunakan oleh responden dalam perbualan mereka. Istilah-istilah tersebut dapat dilihat di bawah:-

- i) **Graphic**
- ii) **Video Launch**
- iii) **Success**
- iv) **Movie Trailore**

ii) UJ8:

[ella:rukkum vaṇakkam. aṛimuga va:ra nikaḷvukaḷai, englishle solluva:ṅke *orientation week*. Itu vantu *collegeyum universityyeyum* natakkum oru mukkiyama:na *event*. Inta *orientation week* vantu ata:vatu aṛimuga va:ram vantu ma:ṇavarkaḷukku mika mukkiyama:ṇatu. e:ṇeṇra:l inta ne:rattil tha:ṇ *ice breaking* eṇra nikaḷcci natakkum. Inta *ice breaking* nanmai eṇṇeṇna: ma:ṇavarkaḷukku putiya naṇbarkaḷ kitaikka mutiyum. avarkaludan pe:sa va:ippu kitaikkiratu. sila pe:r vantu ve:re ma:ri romba amaithiya:ka iruppa:ṅke. avuṅkaḷa po:l inno:ruttaṅkalum iruppa:ṅke. itu ta:n *orientation* ata:vatu aṛimuga va:rattin nanmaikal. ti:maikaḷle pa:rttho:mṇa:kka: sila, *ragging* ippa Malaysia:vil *band* pannittirukka:ṅkenṇu ninaikkiren. Itu vantu *very hot topicnu* sollikittu irukka:ṅke. *newspaperla:m* vantirukku. inta *ragging* vantu *universityile:* natakkum po:tu *seniorkal* vantu sila ne:ram namma *juniorkalai* vantu *very bad treatmentnu* seiva:ṅke. avuṅke vantu *sometime abuse* pannuva:ṅke. inta ma:ri ve:lai seiyac cholluva:ṅka. po:iduva:ṅka. avuṅkaḷutaya *dreams* ella:m sitarip po:itutu. Inta sinna vishiyattina:le:. Anta aṛimuga va:ram ma:ṇavarkaḷukku oru *starting pointa:* irukkanum. *Collegeleyo: universityyeyo:* patikkiratikku. a:ṇa: atu vantu sila ne:raṅkalil ti:maya:ka senru avuṅka va:ḷkaiye: *destroy* pannutu. *thanks.*]

(Transkrip 5 – Tajuk Perbualan: Kesan-kesan Hari Suai Kenal yang dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi)

Perbincangan di atas, melibatkan tajuk minggu suai kenal. Sejak mula perbualan lagi responden menggunakan istilah *orientation*. Bagi mereka istilah *orientation* lebih popular berbanding dengan *arimuga va:ra nigazhvu* yang juga bermaksud minggu suai kenal. Jika diteliti transkripsi perbualan, didapati penggunaan istilah - istilah Inggeris yang berkaitan dengan *orientation* berlaku secara semulajadi. Ini mungkin kerana responden juga mahir menggunakan bahasa Inggeris dan ketiadaan istilah yang membawa makna yang sama dalam bahasa Tamil ataupun responden sendiri kurangnya penguasaan kosa kata bahasa Tamil. Perkataan- perkataan Inggeris yang sering digunakan dalam transkripsi perbualan di atas adalah seperti berikut:-

- i) **Ragging**
- ii) **Senior**
- iii) **Junior**
- iv) **Abuse**
- iv) **Ice Breaking**
- v) **University**
- vi) **Dream**
- vii) **Stress**

Sebaliknya tajuk “Pendidikan Kemahiran Pertukangan Tangan Lebih Baik daripada Pendidikan Akademik” dan “Kemahiran Penulisan Cerpen” merupakan antara tajuk yang kurang memperlihatkan penukaran dan pembauran kod. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa topik yang dikemukakan untuk perbincangan juga memainkan peranan dalam menentukan kadar berlakunya penukaran kod dan pembauran kod dalam perbualan.

4.8.4 Pengaruh Bahasa-bahasa lain yang digunakan sebagai bahasa pengantar sistem kurikulum negara.

Faktor pengaruh bahasa-bahasa lain yang digunakan sebagai bahasa pengantar untuk mengajar mata-mata pelajaran lain juga memainkan peranan penting dalam fenomena penukaran kod dalam kalangan pelajar Tamil sekolah menengah. Tiga puluh lima orang responden yang menjadi sampel kajian ini boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama atau boleh dikategorikan kepada dua jurusan, iaitu Sains dan Sastera. Mereka mempelajari lapan hingga 10 mata pelajaran yang diajar dalam tiga bahasa yang berlainan. Jadual 4.18 di bawah menjelaskan pernyataan ini.

Jadual 4.18 : Mata pelajaran yang ditawarkan kepada pelajar tingkatan lima dan bahasa pengantarnya.

Matapelajaran	B.Malaysia	B.Ingggeris	B.Tamil
Bahasa Melayu	/		
Bahasa Ingggeris		/	
Matematik		/	
Sejarah	/		
Pendidikan Jasmani	/		

Pendidikan Moral	/		
Pendidikan Sivik	/		
Pendidikan seni visual	/		
Sains		/	
Biologi		/	
Fizik		/	
Kimia		/	
Matematik Tambahan		/	
Ekonomi	/		
Pearakaunan	/		
Perdagangan	/		
English For Science and Teknologi		/	
Bahasa Tamil			/
Jumlah	9	8	1

Jadual di atas menunjukkan bahawa jumlah mata pelajaran yang ditawarkan kepada pelajar tingkatan lima di sebuah sekolah harian biasa di Malaysia. Bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar untuk lapan subjek dan bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantar untuk sembilan subjek. Manakala bahasa Tamil diajar sebagai bahasa ibunda pelajar.

Jadual 4.19 dan 4.20 berikut memberi gambaran yang jelas mengenai jumlah masa dalam seminggu di mana responden kajian menggunakan bahasa Malaysia atau bahasa

Inggeris sebagai bahasa pengantar untuk mempelajari mata pelajaran tertentu di sekolah.

Jadual 4.19 Jadual Mata pelajaran Yang Diajar Dalam Bahasa Malaysia dan Peruntukan Masa.

Lima Sains			Lima Sastera		
Mata pelajaran	Waktu	Minit	Matapelajaran	Waktu	Minit
Bahasa Malaysia	6	240	Bahasa Malaysia	6	240
Sejarah	3	120	Sejarah	3	120
Pendidikan Moral	4	160	Pendidikan Moral	4	160
Pendidikan Sivik	2	80	Pendidikan Sivik	2	80
Pendidikan Jasmani	2	80	Pendidikan Jasmani	2	80
			Pendidikan Seni	3	120
			Perdagangan / Ekonomi	3	120
			Perakaunan	3	120
Jumlah	17	680	Jumlah	25	1000

Berdasarkan jadual di atas, pelajar aliran Sains menggunakan bahasa Malaysia selama 680 minit seminggu. Manakala pelajar aliran Sastera pula menggunakan bahasa Malaysia selama 1000 minit seminggu.

Jadual 4.20 Matapelajaran Yang Diajar Dalam Bahasa Inggeris dan Peruntukan Masa.

Lima Sains			Lima Sastera		
Mata pelajaran	Waktu	Minit	Matapelajaran	Waktu	Minit
Matematik	5	200	Matematik	5	200
Matematik Tambahan	3	120	Sains	5	200
Biologi	3	120	Bahasa Inggeris	6	240
Kimia	3	120			
Fizik	3	120			
EST	3	120			
Bahasa Inggeris	5	200			
Jumlah	25	1000	Jumlah	16	640

Berdasarkan kedua-dua jadual di atas, pelajar aliran Sains banyak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya. Ini disebabkan kebanyakan mata pelajaran elektif dan beberapa mata pelajaran teras diajar dalam bahasa Inggeris berbanding dengan aliran Sastera yang hanya menggunakan 640 minit sahaja untuk mengajar Matematik, Sains dan bahasa Inggeris.

Pelajar aliran sastera pula banyak menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Ini disebabkan banyak mata pelajaran teras dan elektif diajar dalam bahasa Malaysia. Sebanyak 1000 minit seminggu diperuntukkan bagi tujuan ini. Maka bahasa penggunaan utama mereka lebih terarah kepada bahasa Melayu. Yang menjadi nyata adalah masa untuk menggunakan atau mempelajari bahasa Ibunda memang terhad di

sekolah menengah. Penggunaan bahasa ibunda secara meluas hanya dapat dilihat dalam kelas bahasa ibunda sahaja.

Oleh kerana responden lebih terdedah dan terpaska menggunakan lebih banyak bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam pembelajaran mereka secara meluas, maka sudah tentu penguasaan kedua-dua bahasa ini akan mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda yang menyebabkan penukaran kod dan pembauran kod.

4.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya bab ini telah membincangkan pandangan responden tentang fenomena penukaran dan pembauran kod. Hampir 63 % tidak pasti sama ada penukaran kod dan pembauran kod berlaku secara disedari atau tidak dan 57 % responden tidak bersetuju dengan pandangan yang mengatakan bahawa responden merancang untuk menukar kod. 37% responden bersetuju bahawa penggunaan bahasa-bahasa lain secara berselang-seli adalah suatu amalan yang tidak dapat dielakkan dalam kalangan penutur yang berkebolehan pelbagai bahasa.

Bab ini juga telah mengupas kandungan rakaman yang telah ditranskripsi. Hasil rakaman menjelaskan kekerapan penukaran kod dan pembauran kod yang berlaku. Bahasa Inggeris menjadi bahasa yang banyak terlibat dalam penukaran kod dan pembauran kod pada peringkat ayat, frasa dan perkataan. Didapati pembauran kod banyak berlaku pada peringkat perkataan.

Tidak ketinggalan juga golongan kata yang sering ditukarkan kod. Transkripsi membuktikan bahawa kata nama sering ditukarkan kod. Kata nama merupakan kata yang paling banyak mengalami pembauran kod.

Kajian juga mengenal pasti pola-pola penukaran kod dan pembauran kod. Sebanyak tujuh pola telah dibincangkan dan diberikan contoh-contoh yang bertepatan.

Akhir sekali dibincangkan tentang sebab-sebab penukaran kod dan pembauran kod. Pengkaji telah mengenal pasti empat faktor. Faktor kebiasaan, ketiadaan kosa kata, Isi kandungan mata pelajaran dan pengaruh mata pelajaran lain telah dikenal pasti sebagai sebab berlakunya penukaran kod dan pembauran kod.

BAB 5

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN